

Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 84 59
No Perolehan: T 0884
Tarikh: 12/84

PENGHARGAAN Kumpulan Sosial di Komuniti Kampong Kenanga

Alhamdulillah, apuhus harana setelah bertungkus lumus selama satu sesi, maka siap juga perolehan ILMIAH ini. Dalam proses penyediaan Kajian ILMIAH ini, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada individu-individu yang terlibat yang telah menolong untuk menyiapkan buku kecil ini:-

- Penghargaan saya kepada Penyelidik Kajian ILMIAH saya iaitu Dr. Hussain Mohamad yang telah memberikan dorongan dan tunjuk ajar untuk saya menyiapkan perolehan Kajian ILMIAH ini.

Bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Abad dan sehelian ahli keluarga yang telah memberikan semangat dan pertolongan yang tidak terhingga sehingga Kajian ILMIAH ini dapat disiapkan.

- Tidak lupa juga, ucapan terima kasih ini ditujukan untuk semua responden yang telah memberikan kerjasama terutama Setiausaha-Setiausaha dan Pengerusi pertubuhan-pertubuhan kumpulan sosial.

- Di samping itu juga saya meminta maaf, sekiranya terdapat beberapa perkara yang menyinggung perasaan mereka atau tersilap kata.

Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Sessi 1984/85
Wassalam.

SARUL

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kerana setelah bertungkus lumus selama satu sesi, maka siap juga akhirnya Kajian Ilmiah ini. Dalam proses menyiapkan Kajian Ilmiah ini, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada individu-individu yang terlibat yang telah menolong untuk menyiapkan buku kecil ini:-

- Penghargaan saya kepada Penyelia Kajian Ilmiah saya iaitu Dr. Hussain Mohamad yang telah memberikan dorongan dan tunjuk ajar untuk saya menyelesaikan penulisan Kajian Ilmiah ini.
- Kedua, terima kasih juga dari saya untuk Mak dan Abah dan sekelian ahli keluarga yang telah memberikan semangat dan pertolongan yang tidak terhingga sehingga Kajian Ilmiah ini selesai.
- Tidak lupa juga, ucapan terima kasih ini ditujukan untuk semua responden yang telah memberikan kerjasama terutama Setiausaha-Setiausaha dan Pengerusi pertubuhan-pertubuhan kumpulan sosial.
- Di samping itu juga saya meminta maaf, sekiranya terdapat beberapa perkara yang menyinggung perasaan mereka atau tersilap kata.

Sekian terima kasih.

Wassalam.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

Penghargaan i

Sinopsis 1

BAB I

1. Tujuan Dan Bidang Kajian 3

2. Metodologi 4

3. Masalah Kajian 7

4. Kepentingan Kajian 8

5. Konsep Komuniti 10

6. Jenis Komuniti 14

7. Konsep Kumpulan Sosial 16

8. Notakaki 21

BAB II

9. Latarbelakang Tempat Kajian 22

10. Susunan Rumah 23

11. Pembayaran Rumah 24

12. Kedudukan Kawasan Kajian 25

13. Demografi 26

14. Penyebaran Penduduk 28

15. Tempat Asal Responden 29

16. Taraf Pendidikan Responden 30

17. Kegiatan Ekonomi 31

18. Notakaki 34

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

BAB III

19. Kumpulan Sosial di Kampung Kenanga	35
20. JKKK Kampung	36
21. Kumpulan Sosial Bentuk "formal"	-
22. Kumpulan Sosial Bentuk "informal"	-
23. Notakaki	56

BAB IV

24. Kegiatan-Kegiatan Kumpulan Sosial	57
25. Ekonomi	57
26. Politik	59
27. Sosial	60
28. Kemajuan Aktiviti Kumpulan Sosial	65
29. Kemajuan Aktiviti Kumpulan Ekonomi	66
30. Notakaki	78

BAB V

31. Kesan Institusi Kegiatan Kumpulan Sosial	79
--	----

BAHAN RUJUKAN

LAMPIRAN

a. Contoh Soal Selidik	A
b. Peta Kawasan Kajian	B
c. Gambar-Gambar	C

SINOPSIS

Kajian ini adalah satu kajian kes ke atas satu komuniti iaitu di Kampong Kenanga. Pengkaji berminat untuk membuat kajian ini adalah kerana kedudukan kawasan kajian yang hampir dengan bandar. Sebagai salah seorang dari penduduk di dalam kawasan kajian ini, pengkaji dapat merasakan ada perbezaan sikap penduduk kampung Melayu ini jika dibandingkan dengan jenis kampung rural. Oleh itu, pengkaji cuba melihat sikap penduduk di kawasan pinggir bandar ini dan menghubungkannya dengan aktiviti kumpulan sosial yang mereka sertai. Untuk membuat satu penilaian maka dalam kajian ini, pengkaji telah membuat perbandingan kegiatan kumpulan sosial di kawasan ini dan beberapa kawasan yang lain yang telah dikaji oleh beberapa pengkaji lain yang terdahulu dari ini.

Dalam bab I, tujuan dan bidang kajian telah dijelaskan supaya kajian ini tidak terkeluar dari tajuk asalnya. Di samping itu, masalah dan kepentingan kajian juga dijelaskan kerana ianya merupakan beberapa sebab kajian ini menghasil penemuan-penemuan seperti di-dalam bab akhir. Selain daripada itu, konsep komuniti dan kumpulan sosial dijelaskan juga kerana ianya merupakan dua konsep yang dibincangkan oleh pengkaji di dalam kajian ilmiah ini.

Di dalam bab 2 pula, latarbelakang tempat kajian pula telah diberikan. Ini termasuk kedudukan kawasan kajian, taburan penduduk, demografi dan latar belakang responden yang ditemui. Ciri-ciri tersebut adalah sangat penting dalam mempengaruhi individu dalam penyertaan mereka

di dalam kumpulan-kumpulan sosial yang dikaji.

Dalam bab 3 pula, satu diskripsi tentang latarbelakang kumpulan-kumpulan sosial telah diberikan. Penerangan ini merangkumi kumpulan sosial berbentuk "formal" dan yang berbentuk "informal". Selain daripada itu, kedudukan JKKK Kampung juga dijelaskan selaku badan penampung bagi semua kumpulan sosial di kawasan ini dan juga badan yang mentadbirkan kawasan kajian ini.

Di dalam bab kemudiannya, kegiatan kumpulan-kumpulan sosial telah diterangkan dan ianya telah diberi pembahagian secara arbitrasi dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Kemajuan dari aspek-aspek tersebut telah dinyatakan sebagai melihat sejauhmana berkesannya aktiviti kumpulan-kumpulan sosial tersebut. Seterusnya satu perbandingan telah dibuat dari segi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan sosial di Kampung Kenanga dan di kawasan-kawasan lain seperti di Felda Lenga, Felda Bukit Serampang, Felda Pasir Raja dan Kampung Raja Uda.

Di dalam bab akhir ini, iaitu sebagai bab penutup, pengkaji memberikan satu pandangan dari segi kesan aktiviti kumpulan sosial ini dari segi intergrasi dan konflik. Dengan cara ini, penilaian dapat dibuat dengan perbandingan yang dijelaskan dan seterusnya kesimpulan dapat dibuat pada akhir bab ini.

Struktur kampung Melayu ini pula ada mempunyai unsur-unsur yang berbeza dari kampung tradisi serta terletak hampir dengan kawasan bandar. Kajian ini cuba melihat ciri-ciri perbezaan dan persamaan yang wujud dengan kampung-kampung lain.

BAB I

TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji satu komuniti masyarakat Melayu di Kampong Kenanga¹, terletak di dalam daerah Gombak tetapi kajian ini tidak pula mengkaji semua aspek kehidupan komuniti tersebut. Kajian hanya menumpu kepada aspek pertubuhan² sosial yang wujud di dalam komuniti tersebut sambil melihat perbandingan dengan keadaan di lain-lain kampong³ yang telah dikaji. Oleh itu kajian ini hanya melihat beberapa aspek tertentu sahaja.

Pertama, kampong ini adalah hasil dari satu perancangan oleh pihak pemerintah. Penubuhan dan perkembangannya yang dirancang yang demikian adalah bergantung berat kepada pihak yang menganjurkannya (UMNO), walhal kampong-kampong tradisi tidak dirancang.

Kedua, penduduk di kampong ini kebanyakannya adalah orang-orang yang bekerja di bandar.⁴ Oleh itu ada kemungkinan perhubungan sosial di kawasan ini muncul berdasarkan selain dari tali kekeluargaan misalnya pertubuhan sosial. Pertubuhan yang dimaksudkan ialah Pertubuhan Politik, Perkumpulan Wanita, Pertubuhan Belia, Kumpulan Marhaban, Kumpulan Yassin, Pertubuhan Khairat Kematian dan Kumpulan Pakatan Perkahwinan. Struktur kampong Melayu ini pula ada mempunyai unsur-unsur yang berbeza dari kampong tradisi serta terletak hampir dengan kawasan bandar. Kajian ini cuba melihat ciri-ciri perbezaan dan persamaan yang wujud dengan kampong-kampong lain.

Sat pertama adalah menumpu kepada kegiatan pertubuhan yang disertai oleh responden. Juga terdapat di dalamnya soalan-soalan mengenai

Oleh itu unsur proses perubahan ini akan dikaji pada keseluruhannya terutama akibat dari tekanan unsur-unsur luar dan dalaman. Kampong ini dilihat sebagai satu masyarakat yang mengalami perubahan dan seterusnya membandingkannya dengan kawasan-kawasan lain.

Bagi aktiviti-aktiviti yang dilihat semasa kajian pula adalah termasuk aspek-aspek agama, politik, pelajaran dan sosial, yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan sosial. Oleh itu kajian ini merangkumi semua aspek kegiatan yang dijalankan oleh kumpulan sosial di dalam komuniti tersebut.

METODOLOGI

Kajian ke atas kumpulan sosial dan komuniti ini telah dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti di bawah ini:-

- a) Soal-selidik
 - b) Temubual
 - c) Penyertaan Pemerhatian
 - d) Kajian dari data-data bertulis
- a) Soal-selidik⁵

Soal-selidik merupakan satu kaedah yang sangat berguna untuk mengkaji satu komuniti manusia kerana responden yang hendak ditemui adalah ramai. Di dalam kajian ini, responden yang telah diberikan soal-selidik adalah seramai 85 orang. Soal-selidik yang telah disediakan terbahagi kepada dua set iaitu:-

- i) khas untuk ahlijawatankuasa kumpulan sosial
- ii) khas untuk orang ramai iaitu penduduk Kg. Kenanga.

Set pertama adalah menumpu kepada kegiatan pertubuhan yang disertai oleh responden. Juga terdapat di dalamnya soalan-soalan mengenai

pendapat responden sebagai ahli jawatankuasa dan pandangannya terhadap pertubuhan yang disertainya.

Set kedua pula adalah untuk orang ramai, samada mereka menjadi ahli atau tidak di dalam mana-mana kumpulan sosial yang terdapat di kawasan tersebut. Soalan juga mementingkan pandangan responden terhadap kumpulan sosial dan kritikan mereka terhadap sejauh mana kegiatan kumpulan sosial telah berfungsi di kawasan tersebut.

Sungguhpun ada perbezaan soalan di antara kedua-dua set, namun kedua-duanya ada soalan-soalan latar belakang responden yang perlu dijawab seperti umur, pekerjaan, tempat asal dan taraf pendidikan. Soal-selidik yang telah diedarkan untuk set pertama ialah sebanyak 25 helai dan untuk set kedua ialah sebanyak 60 helai. Oleh itu seramai 85 orang responden telah ditemui iaitu lebih kurang 10 peratus dari jumlah penduduk yang seramai 824 orang.

b) Temubual

Bersama-sama dengan soal-selidik, temubual juga dijalankan. Ini memandangkan responden lebih suka berbual-bual mengenai sesuatu perkara daripada hanya menjawab sebaris atau dua ayat ke atas tiap-tiap soalan di dalam soal-selidik.

Temubual juga berguna bila soalan-soalan seperti latarbelakang atau sejarah penubuhan sesuatu kumpulan sosial itu disoal. Ini memberikan peluang kepada responden untuk mengeluarkan idea-idea atau pengetahuan dan tidak terhad hanya kepada soalan-soalan di dalam soal-selidik sahaja.

daripada Temubual yang telah dijalankan ke atas responden yang telah diberikan soal-selidik dan juga responden yang tidak diberikan soal-selidik.

c) Pemerhatian Penyertaan⁶

Semasa kajian dijalankan, pengkaji telah tinggal di kawasan kajian bersama dengan responden. Ini adalah untuk menyenangkan pengkaji memerhatikan setiap aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan sosial tersebut.

Di antara beberapa kegiatan yang telah disertai oleh pengkaji ialah seperti majlis syarahan agama, permainan bola jaring, majlis ikhtifal sekolah agama, sambutan maulud Nabi dan menyertai mesyuarat-mesyuarat pertubuhan.

Di dalam perkara mesyuarat pertubuhan, walaupun pengkaji bukan-sihnya seorang ahli jawatankuasa ataupun ahli biasa, tetapi telah di-benarkan duduk sebagai pemerhati sahaja. Oleh itu kaedah pemerhatian la penyertaan dapat dijalankan oleh pengkaji dengan jayanya.

d) Kajian dari data-data⁷ pertubuhan

Setiap pertubuhan yang ditubuhkan secara formal mempunyai ahli-taan jawatankuasanya sendiri dan tugas yang penting dipegang oleh Setia-usaha. Daripada setiausaha-setiausaha kumpulan sosial ini, data-masing data bertulis telah diperolehi. "informer" untuk membantu mendapatkan Data-data yang dimaksudkan ialah minit mesyuarat agong, surat jemputan mesyuarat dan nama-nama ahli pertubuhan yang membayar yuran.

Selain daripada itu, data-data seperti bilangan penduduk gambar-rajah kawasan kajian dan data-data pengundi juga telah diperolehi

daripada ketua kampung. Kajian daripada data-data ini sangat berguna memandangkan ianya dapat menunjukkan perbandingan keadaan semasa dan yang telah berlaku walaupun kadang-kadang ianya sukar didapati dan tidak berkaitan dengan kajian.

MASALAH KAJIAN

Dalam mengaitkan konsep dan tajuk kajian ini, iaitu samada kampung ini sebenarnya mempunyai ciri-ciri sebuah komuniti dalam waktu yang sebegitu singkat merupakan satu masalah pokok yang dihadapi oleh pengkaji. Ini terutamanya dihadapi bila pengkaji cuba mencari apakah fakta-fakta yang menimbulkan ciri-ciri tersebut. Disamping masalah di atas, kaedah menggunakan data-data pertubuhan yang menimbulkan masalah. Data-data yang didapati kebanyakannya masih tidak meliputi atau merangkumi bidang analisa yang sepatutnya ada dalam penganalisaan pengkaji. Dengan ini pengkaji menghadapi masalah apabila hendak membuat penganalisaan yang begitu teliti.

Walaupun data-data terkumpul ini merupakan bahan-bahan "reliable",⁸ kemungkinan terdapat "distortion"⁹ di dalam mengolah kenyataan-kenyataan disebabkan terdapat perubahan di pihak berkenaan untuk membuat "self-justification" atau menutup kelemahan-kelemahan pertubuhan masing-masing. Oleh itu, pengkaji menggunakan "informer" untuk membantu mendapatkan berita perkara-perkara berbangkit yang selalunya tidak tertulis di dalam data-data yang berada pada setiausaha. Data-data juga selalunya tidak disertakan jumlah keanggotaan yang tepat kerana ahli yang membayar yuran sahaja berdaftar. Begitu juga

sejauhmana pencapaian dan kejayaan ataupun kegagalan sesuatu pertubuhan tidak pernah dibuat pernilain. Oleh itu pengkaji sendiri terpaksa menilai dengan lebih teliti dari kacamata dan pandangan sendiri.

Masalah mencari kesesuaian masa untuk menemui responden adalah merupakan masalah biasa selain daripada yang di atas yang pernah dihadapi oleh pengkaji. Ini wujud kerana adanya kegiatan ekonomi yang dilakukan seperti bekerja di kilang simen adalah "mengikut syift".⁹ Oleh itu menjadi tanggungjawab pengkaji mencari masa-masa yang sesuai untuk menemui responden.

Satu perkara lagi ialah tentang fakta-fakta yang diberikan secara ingatan oleh responden. Ini tertumpu kepada responden yang sudah agak berumur. Mereka kadang-kadang lupa pada tarikh tepat, misalnya, sudah berapa lama tinggal di kawasan tersebut dan sejak bila pernah menganggotai mana-mana pertubuhan sosial. Temubual ini selalunya memerlukan masa dan kesabaran.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah sangat penting kerana ianya membincangkan satu masalah pokok yang sering berlaku dalam masyarakat kampung Melayu yang disebabkan oleh proses pembangunan sosial dan ekonomi di kawasan bandaran. Perkembangan ini secara langsung telah menyebabkan kerajaan menubuhkan kampung-kampung Melayu berhampiran dengan bandar, seperti Kampung Kenanga yang berhampiran dengan bandar Kuala Lumpur.

Perkembangan serupa ini dipercayai berlaku juga di kawasan-kawasan lain di negeri lain yang sedang membangun. Oleh itu kajian ini diharap dapat memberikan perhatian kepada pengkaji-pengkaji di kawasan lain supaya

laku. memberi perhatian kepada kampung-kampung yang bercorak begini. Sebelum ini kajian banyak ditumpukan hanya kepada kampung-kampung berancang tetapi di kawasan pendalaman seperti yang dilakukan oleh FELDA. Walaupun tentu seperti ekonomi, politik dan sosial dengan lebih teliti. Oleh pada kajian-kajian ke atas kampung-kampung jenis transisi tetapi hanya itu kajian ini nanti cuba melihat kedudukan kumpulan sosial dari segi bercorak diskriptif sahaja dan kajian yang lebih ditumpukan kepada kedudukan dan perannya ke atas satu komuniti yang selama ia dirubuh-pong jenis rural.

Contohnya pada tahun 1982 dan 1983, dua kajian ilmiah telah dilakukan ke atas kumpulan sosial di dua buah Rancangan Felda¹¹ iaitu sebuah di Johor dan sebuah lagi di Pahang¹². Kedua-dua pengkaji melihat kedudukan dan peranan kumpulan sosial di kawasan masing-masing.

Taraf pendidikan, kegiatan ekonomi, kelapangan masa menjadi latar-belakang yang mempengaruhi keaktifan ahli di dalam kumpulan sosial. Felda dapat berfungsi sepenuhnya dengan wujudnya kumpulan-kumpulan sosial tersebut kerana kemunculan kumpulan-kumpulan sosial ini telah dapat mengujudkan unsur-unsur perpaduan yang berterusan sehingga menjadi satu masyarakat yang maju dan dinamis. Aspek intergrasi dan disintergrasi adalah dianggap sebagai kesan lahir dari kemunculan kumpulan-kumpulan sosial tersebut.

Rokiah Talib dalam kajian ilmiahnya ke atas masyarakat perubahan (Kampung Kepayang) juga telah menekankan aspek konflik dan intergrasi tersebut ke atas satu komuniti yang sedang berubah dari rural ke tahap lebih moden. Tumpuan intergrasi dari aspek-aspek institusi sosial seperti gotong-royong, kenduri-kendara, majlis tahlil dan lain-lain. Semasa institusi-institusi tersebut dijalankan, kedua-dua aspek kemodenan dan adat tradisi bertembung yang mengakibatkan konflik dan intergrasi ber-

laku.

Memandangkan kajian-kajian di atas lebih memberatkan soal interaksi dan konflik sahaja maka kajian ini cuba melihat aspek-aspek tertentu seperti ekonomi, politik dan sosial dengan lebih teliti. Oleh itu kajian ini nanti cuba melihat kedudukan kumpulan sosial dari segi kedudukan dan peranannya ke atas satu komuniti yang selama ia ditubuhkan, belum ada lagi kajian dibuat mengenainya.

KONSEP KOMUNITI

Di dalam kebanyakan kajian mengenai masyarakat, konsep komuniti sering kali digunakan. Ini adalah untuk menggambarkan ciri-ciri tertentu dan struktur am dalam kelompok tersebut. Tetapi, di dalam dunia ini, terdapat berjenis-jenis kelompok manusia dan tidak semuanya boleh digolongkan di dalam konsep komuniti. Ini adalah kerana istilah komuniti ini mempunyai definisinya tertentu di dalam bidang pengajian sosiologi.

Huraian ke atas konsep komuniti ini adalah sangat penting kerana kajian ini melihat komuniti sebagai satu unit sosial dan seterusnya melihat samada kampung tersebut terletak di dalam golongan yang sama.

G.A. Hillery¹ telah mengkaji berpuluh-puluh pendapat ahli Sosiologi Antropologi mengenai konsep komuniti semasa beliau menjalankan kajian. Dari rumusannya, terdapat tiga faktor yang dianggap sebagai menetapkan pengertian definisi komuniti. Tiga faktor yang menjadi dasar penting untuk mengelompokkan satu-satu kumpulan manusia, samada ianya komuniti ataupun tidak ialah:-

Nisalnya, oleh sebab menganut agama yang sama, mereka pergi ber-

- 1) Faktor Common Area (Kawasan Yang Sama)
- 2) Faktor Common Ties (Ikatan Yang Sama)
- 3) Faktor Social Interaction (Hubungan Sosial Antara Ahli)

Ramai dari ahli-ahli Sosiologi dan Antropologi dari kumpulan yang sama berpendapat bahawa tiap-tiap golongan yang digolongkan pada konsep komuniti, sekurang-kurangnya mestilah antara lain mempunyai ketiga-tiga dasar tersebut.

Melihat kepada tiga faktor asas sesuatu komuniti itu, maka dikatakan logik, kerana misalnya ahli yang tergolong dalam satu komuniti mestilah tinggal di dalam satu kawasan yang sama dan berhampiran. Sekiranya berjauhan dan hubungan antara mereka jarang sekali berlaku atau susah dilakukan sebab duduk berjauhan, maka mereka tidaklah boleh dikatakan terdiri dari satu komuniti walaupun ada wujud hubungan tertentu seperti hubungan kekeluargaan.

Selain dari tinggal dalam kawasan yang sama, ahli-ahli dalam komuniti mestilah ada ikatan dalam bidang-bidang tertentu untuk melengkapkan syarat-syarat wujudnya satu komuniti. Ikatan yang sama adalah sangat penting kerana melaluinya wujud perasaan kekitaan. Ikatan tersebut akan wujud dalam bentuk resmi ataupun tidak resmi dan dipraktikkan oleh ahli-ahli bersama dalam bidang-bidang tertentu seperti ekonomi, pentadbiran, sosial, agama dan kepercayaan-kepercayaan. Seterusnya dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama untuk keperluan tertentu maka wujudlah hubungan sosial antara ahli-ahli. Oleh itu faktor ketiga wujud hasil dari ikatan yang sama.

Misalnya, oleh sebab menganut agama yang sama, mereka pergi ber-

sembahyang ke tempat yang sama dan menubuhkan ahli jawatankuasa mesjid untuk menguruskan hal-hal agama. Hal-hal begini menimbulkan hubungan yang baru di antara ahli-ahli ataupun sebab mereka sama-sama bekerja sebagai nelayan, maka mereka menubuhkan badan Koperatif Nelayan untuk kepentingan mereka bersama.

Dari huraian di atas, bolehlah dilihat bahawa tiga faktor, iaitu kawasan yang sama, ikatan yang sama dan hubungan sosial merupakan garis ukuran penentuan komuniti. Sunggohpun demikian ia kelihatan garis penentuan yang agak longgar, kerana unsur seperti kawasan, tidak pula dinyatakan ataupun ditetapkan keluasannya. Kadang kala kawasan yang lebih luas menyebabkan hubungan yang lebih longgar berbanding dengan kawasan yang lebih kecil, mempunyai hubungan antara individu yang lebih rapat dan erat. Jika dilihat pembahagian yang mengikut politik dan pentadbiran pula, terdapat beberapa pembahagian seperti kampong, mukim, daerah dan negeri, tetapi yang mana satukah yang merupakan unit tertentu meliputi kawasan tertentu.

Smelser (Smelser: 1967)² telah memberikan had sempadan-sempadan komuniti ini, mengikut beliau "... the localised population which are interdependent on a daily basis."

Setelah meletakkan kedudukan masyarakat yang dikaji sebagai satu komuniti, maka akan dilihat apakah jenis komuniti tersebut. Bagi beliau, perhubungan yang berdasarkan daily basis iaitu yang berlaku tiap-tiap hari, adalah merupakan syarat penting bagi komuniti.

Jadi, bolehlah dikatakan bahawa kawasan yang sama seperti satu mukim atau daerah atau negeri, walaupun wujud hubungan tertentu antara

yunit-yunit ini, tetapi tidaklah boleh digolongkan dalam satu komuniti.

Antara ahli-ahli yunit demikian tidak wujud hubungan harian yang lebih rapat atau bersemukaan. (face-to-face)

Melihat kepada keadaan Kampong Kenanga, maka bolehlah ianya diletakkan di dalam kategori satu komuniti. Kawasan yang kecil ini, lengkap dengan sempadan tertentu, memungkinkan hubungan harian berlaku di antara sebahagian besar penduduk yang dianggap hubungan face-to-face.

Dari segi ikatan yang sama pula, wujud beberapa persamaan dalam hidup mereka, seperti bangsa, ugama, kepercayaan dan amalan. Ini adalah bertepatan seperti yang dikemukakan oleh Mercer (Mercer: 1956) ³ iaitu,

"Share a common culture"

Oleh sebab adanya ikatan-ikatan yang sama seperti diterangkan di atas, maka kemungkinan mengujudkan hubungan-hubungan sosial adalah positif.

Satu lagi faktor yang penting ialah perasaan berkitaan yang disebut oleh Linton (1936) ⁴ sebagai "esprit-de-corp".

Perasaan kekitaan adalah sangat penting wujud di antara ahli, kerana sekiranya tidak ada perasaan kesatuan ataupun kekitaan ini, maka hubungan kelompok itu akan mudah terurai dan berpecah.

Setelah meletakkan kedudukan masyarakat yang dikaji sebagai satu komuniti, maka akan dilihat apakah jenis komuniti tersebut.

Ianya tidaklah tegas (rigid), misalnya, selalu dikatakan komuniti rural lebih kecil kawasannya dari urban tetapi mungkin ada kawasan rural dalam ma-

JENIS KOMUNITI

Untuk melihat masyarakat yang dikaji, cara yang mudah ialah dengan membezakan rural dan urban seperti yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.³ Namun pembahagian ini bukanlah secara saintifik dan tepat kerana walaupun telah banyak kajian dilakukan oleh para sosiologi untuk membahagikan, tetapi tidak terdapat 2 pola iaitu satu rural dan satu lagi urban. Oleh itu pendekatan yang boleh dibuat ialah dengan melihat konsep ini sebagai satu kontinum (continuum). Dalam erta kata lain, melihat konsep ini bukan sahaja di dalam bentuk ciri-ciri asing sahaja tetapi menganggap adanya satu proses iaitu persambungan berlaku di antara dua bentuk ini iaitu rural dan urban dan urban dan rural tidak berlaku secara mengejut seperti dalam satu pola yang mudah.

S.A. Queen dan D.R. Carpenter,⁵ mengatakan, (1953 m.s. 38),

"... there is a continuous gradation..... from rural to urban rather than a simple rural-urban dichotomy."

Untuk melihat perbezaan antara rural dan urban, Sorokin dan Zimmerman (1929)⁶ telah mengemukakan lapan faktor angkubah (variables) untuk membezakan rural dan urban. Faktor-faktor tersebut ialah pekerjaan, saiz, kepadatan penduduk, keseragaman, perbezaan sosial dan susunlapis sosial, mobiliti, keadaan alam dan sistem perhubungan.

Sungguhpun ada dasar yang cuba membahagikan kedua-dua rural dan urban, tetapi ianya hanyalah benar pada peringkat relative sahaja dan ianya tidaklah tegas (rigid), misalnya, selalu dikatakan komuniti rural lebih kecil kawasannya dari urban tetapi mungkin ada kawasan rural dalam ma-

syarakat lain yang lebih luas dari urban tadi. Oleh itu, angkubah-angkubah di atas hanyalah sebagai jeneralisasi di dalam sosiologi. Di Amerika⁷ misalnya, satu kawasan yang mempunyai bilangan penduduk lebih dari 2,500 orang diletakkan di dalam kategori urban dan yang mempunyai penduduk kurang dari 2,500 orang dianggap sebagai rural. Oleh itu, sudah tentu ada kawasan rural yang terletak di dalam kawasan bandar ataupun hampir bandar. Yang pentingnya di sini, yang cuba ditunjukkan ialah adanya kawasan tertentu yang menunjukkan ciri-ciri tertentu yang berlainan dengan bandar dalam beberapa bidang hidup anggota-anggotanya iaitu mempunyai ciri-ciri rural walaupun ianya terletak di dalam kawasan bandar.

Apa yang cuba ditegaskan di dalam konsep rural dan urban di sini ialah kedudukan kawasan kajian yang terletak hampir dengan bandar dan mempunyai angkubah rural dan juga angkubah urban. Oleh itu di manakah harus diletakkan kawasan kajian ini dan jenis komuniti apakah yang dikaji. Maka oleh sebab itu, tidak perlu tumpuan secara terperinci terhadap angkubah rural-urban tersebut. Ini adalah memandangkan kawasan yang dikaji ditubuhkan secara berancang dan baru berusia 20 tahun. Maka sudah tentulah ianya bukan sebuah kampung tradisi dan tidak juga sebuah kawasan urban. Mengikut Wirth (1964 M.s. 66)⁸

"... For Sociology purpose, a city may be defined as a relatively large, dense and permanent settlement of socially heterogeneous individual."

Wirth di sini memberikan ukuran yang sewenang-wenang terhadap degree."

komuniti seperti katanya, komuniti sebenarnya adalah beransur-ansur dari yang paling kecil kepada yang paling besar, dan yang tipis kepada yang begitu padat isi penduduknya dan dari homogenous kepada yang paling heterogeneous.

Walaupun ukuran Wirth dianggap terlalu mudah tetapi ukuran ini boleh diberikan kepada konsep kajian dan menganggap kawasan kajian berada di dalam satu keadaan proses kontinum (continuum) iaitu berada di dalam perantaraan antara rural dan urban. Ini bertepatan seperti yang telah dihuraikan dari pendapat S.A. Queen dan D.R. Carpenter tadi iaitu *able to differentiate*.

"... there is a continuous gradation..... from rural to urban."

KONSEP KUMPULAN SOSIAL

Selain daripada konsep komuniti yang telah dihuraikan tadi, satu lagi konsep iaitu kumpulan sosial kerana kajian ini menumpu ke atas kumpulan sosial dan kedudukannya ke atas komuniti. Ini adalah penting kerana konsep komuniti yang mempunyai faktor ikatan yang sama dan mewujudkan hubungan sosial di antara individu tersebut apabila diinstitusikan membentuk kumpulan sosial. Oleh itu hubungan sosial yang di dalam komuniti samada secara langsung atau tidak langsung disebut sebagai kumpulan sosial.

Cartwright dan Zander (1908)⁹ di dalam Group Dynamic telah mendefinisikan secara umum, kumpulan sosial sebagai,

"..... a collection of individuals who are related to one another that make them interdependent to some significant degree."

Oleh itu hubungan sosial yang wujud di atas sekumpulan individu tersebut menyebabkan mereka saling berkaitan di atas satu tahap yang tertentu. Hubungan ini boleh dilihat misalnya hubungan di antara anggota-anggota kumpulan sosial ataupun hubungan di antara ahli dan ketua kumpulan sosial tersebut.

Chinoy¹⁰ pula menjelaskan bahawa kumpulan sosial adalah....

"...a number of persons whose relationships are based upon the set of interrelated groups who share certain beliefs and values and their relations towards one another to be able to differentiate."

Di sini Chinoy cuba menjelaskan lagi pengertian kumpulan sosial itu iaitu hubungan yang terjalin di antara individu yang mempunyai kepercayaan yang sama dan set nilai yang dimiliki bersama. Hubungan adalah berdasarkan kepada pembahagian peranan dan status yang berlainan.

Dalam halaman 7, Chinoy mengulaskan lagi bahawa kumpulan sosial tersebut adalah....

"A social group consists of a number of persons whose relationship are based upon an interact with one another in a more or less standardized fashion determined largely by the norms and values they accept. They are limited or held together by a sense of common identity or a similarly interest which enables them to differentiate members from non-members."

Daripada penjelasan Chinoy di atas, didapati bahawa set hubungan yang dimaksudkan oleh Cartweight dan Zander (1908) di antara individu adalah bergantung kepada peranan dan status yang sebahagian besarnya ditentukan oleh norma dan nilai yang diterima oleh masyarakat setempat. Perhubungan mereka ini dikukuhkan dengan adanya minat atau kepentingan bersama di antara ahli-ahli kumpulan sosial tersebut.

Oleh itu, unsur penting di dalam kumpulan sosial ialah hubungan yang mempunyai peranan dan status tertentu yang sebahagian besarnya ditentukan oleh norma dan nilai kehidupan komuniti tersebut. Faktor perhubungan sosial ini juga wujud kerana adanya minat atau kepentingan bersama di antara ahli-ahli yang menganggotai kumpulan sosial tersebut.

¹¹
Paul Chowndry di dalam kajiannya (1971), menyatakan kumpulan sosial ditubuhkan adalah wujud sesuai untuk memajukan keadaan sosial melalui kerja-kerja sosial, dan penubuhannya adalah dengan inisiatif ahli tanpa pergantungan dari kawalan luar.

"..... an organisation which, whether its workers are paid or unpaid, is initiated and governed by its own members without external control, voluntary action is by its very nature local people living in an area, many wish to improve their social condition through voluntary action."

Daripada definasi-definasi di atas maka pengertian kumpulan sosial ini menepati definasi pertubuhan sosial seperti yang telah didefinisikan di dalam "Encyclopedia of Social Science.", iaitu individu yang teratur pertubuhannya, walaupun keahliannya secara sukarela. Disamping itu ianya ada mempunyai tujuan iaitu untuk kepentingan bersama

"... A voluntary association is an organised group of persons:

1. That is formed in order to further some common interest of its members.

2. In which **membership** is voluntary in the sense that it is neither mandatory nor acquired through birth;

3. that exists independently of the state."¹²

Walaupun dari segi interpretasi sarjana-sarjana sosiologi berbeza tentang **organisasi** kumpulan sosial ini, namun yang jelasnya, hampir semuanya mengambil kira tiga ciri utama yang perlu ada dalam sesebuah pertubuhan sukarela seperti yang dipersetujui oleh "Encyclopedia of Social Science" di atas.

¹³
Sills (1966) juga menyokong pendapat di atas dengan memberi rumusan tiga ciri utama yang perlu ada dalam sesebuah kumpulan sukarela yang merupakan ".....an organised group of persons" itu iaitu;

1. ianya ditubuhkan untuk memenuhi beberapa kepentingan bersama ahli-ahli;

2. keahliannya adalah sukarela dalam ertikata ianya tidak diwajibkan dan tidak juga diperolehi melalui kelebihan; dan

3. ianya wujud tanpa bergantung kepada negara atau kerajaan, iaitu berkedudukan sebagai "pertubuhan yang bebas."

Oleh itu, jelaslah bahawa kumpulan sosial adalah satu kumpulan individu yang teratur pertubuhannya, walaupun keahliannya secara sukarela. Disamping itu ianya ada mempunyai tujuan iaitu untuk kepentingan bersama

ahli-ahlinya. Kedudukannya yang bebas ini adalah sesuai dengan keadaan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi seperti Malaysia. Sungguhpun demikian, di dalam keadaan negara yang maju di zaman moden ini, kesesatannya dari daerah di dalam Negeri Selangor. lamatan negara adalah sangat mustahak. Oleh itu, kedudukan pertubuhan sosial ini sentiasa diawasi selagi ianya tidak mempunyai unsur-unsur untuk memecah belahkan rakyat di seluruh negara walaupun pertubuhan mereka dianggap sebagai satu pertubuhan yang bebas.

ii. Kampong Raja Uda

Menyentuh pula tentang penyertaan ahli di dalam kumpulan sosial

iv. Felda Bukit Serampang

ini, Simmel menganggap kedudukan individu sebagai

vi. Kampong Sungai Raya

"..... torn between two alternatives, i.e.

4. Di bandar dimaksudkan ialah Kuala Lumpur.

i by belonging to a group an individual must

5. Soal-selidik - contoh soal-selidik ada dilampirkan di bahagian

belak submit to social control and thereby give up

6. Some some personal freedoms; "bersama-sama komuniti selama 4

Bulan.

sebaliknya pula

7. Data-data yang dimaksudkan ialah:-

ii. remaining independent of a group, deprives the

1. Minit Mesyuarat Pertubuhan-Pertubuhan

ii. individual of the benefit of membership (e.g.

iii. Surat jemputan Bendahari

iv. economic, security, acceptance, prestige)¹⁴

8. Walaupun mengikut Simmel, dengan menyertai kumpulan sosial terpaksa mengorbankan beberapa kebebasan diri namun jika ada perasaan kesedaran

9. "distortion" - pengubahsuaian oleh Setiausaha Pertubuhan

(consciousness), membolehkan ahli saling tolong menolong dan bekerjasama.

10. "Syift" - kerja mengikut giliran iaitu pagi, petang dan malam.

Dengan adanya kerjasama, perpaduan akan wujud dan objektif kumpulan

Pagi - Dari pukul 7 hingga 3 petang

sosial dapat dicapai. Sebaliknya jikalau majoriti ahli-ahli tidak ber-

Malam - Dari pukul 11 malam hingga 7 pagi

tanggungjawab dan tidak mengikut peraturan maka kumpulan tersebut akan

11. Di Johor - ialah Felda Lenga

gagal mempertahankan kedudukannya dan akhirnya akan bubar.

NOTAKAKI JUKAN

BAB I - Tujuan dan bidang kajian

1. Kampong Kenanga berada dalam daerah Gombak. Gombak adalah satu dari daerah di dalam Negeri Selangor.
*man and Company
GLENVIEW, ILLINOIS, LONDON*
2. Pertubuhan sosial yang dikaji termasuk kumpulan formal dan kumpulan informal.
*Sociology - An Introduction
John Wilby & Sons, Inc. New York*
3. Kampong-kampong yang dibandingkan ialah:-
*3. Mercer B.E. The American Community
Random House, New York*
4. i. Kampong Chengkat Larang
ii. Kampong Raja Uda
iii. Kampong Kepayang
iv. Felda Bukit Serampang
v. Felda Lenga
vi. Kampong Sungai Raya
*The Study of Men
Appleton - Century Croft, Inc.
New York*
5. Di bandar dimaksudkan ialah Kuala Lumpur.
*5. Carpenter D.B. & Queen S.A. The American Society
Hill, New York*
6. Soal-selidik -- contoh soal-selidik ada dilampirkan di bahagian belakang.
*Sociology
Holt. New York*
7. Semasa kajian, pengkaji tinggal bersama-sama komuniti selama 4 bulan. Talib
*Komuniti Bandaran Melayu - Kg.
Raja Uda*
8. Data-data yang dimaksudkan ialah:-
i. Minit Mesyuarat Pertubuhan-Pertubuhan
ii. Minit Mesyuarat Agong
iii. Surat Jemputan Bendahari
iv. Buku Bendahari
*Ilmiah M.A.
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
On Cities and Social Life (ed)
Albert J. Reiss Jr.
University of Chicago Press,
Chicago.*
9. "Reliable" ialah bahan-bahan yang boleh dipercayai iaitu diterima dari Setiausaha Pertubuhan.
KONSEP
10. "distortion" -- pengubahsuaian oleh Setiausaha Pertubuhan
*duction
Prentice Hall Inc.*
11. "Syift" -- kerja mengikut giliran iaitu pagi, petang dan malam.
12. Pagi -- Dari pukul 7 hingga 3 petang
Petang -- Dari pukul 2 hingga 10 malam
Malam -- Dari pukul 11 malam hingga 7 pagi
*American Society
Hill, New York*
13. Di Johor -- ialah Felda Lenga
*Chowndry D.P. 1971
Voluntary Social Welfare in India
New Delhi*
14. Di Pahang -- ialah Felda Bukit Serampam.
15. Encylopedia of Social Science
Sociological Aspect

BAHAN RUJUKAN Sills dalam International Encyclopedia of Social Science Vol. 13 (Reprinted 1972) (Hal. 357 - 397)

KONSEP KOMUNITI

1. Telah dipetik dari Bernard J. 1973 The Functions of Social The Sociology of Community Scott, Foresman and Company GLENVIEW, ILLINOIS, LONDON
2. Smelser N.J. Sociology - An Introduction John Wilby & Sons, Inc. New York
3. Mercer B.E. The American Community Random House, New York
4. Linton, R 1936 The Study of Men Appleton - Centry Croft, Inc. New York
5. Carpenter D.B. & Queen S.A. 1929 The American Society Mc Graw Hill, New York
6. Sorokin P & Zimmerman ec. Principles of Rural-Urban Sociology Halt. New York
7. Rokiah Talib Komuniti Bandaran Melayu - Kg. Raja Uda Kajian Ilmiah M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
8. Wirth, L On Cities and Social Life (ed) Albert J. Reiss Jr. University of Chicago Press, Chicago.

KONSEP KUMPULAN SOSIAL

9. Wilson. S. 1978 Informal Group. An Introduction Prentice Hall Inc. Eaglewood Cliffs, New Jersey.
10. Chinoy D.B. & Queen S.A. 1953 The American Society Mc Graw Hill, New York
11. Chowndry D.P. 1971 Voluntary Social Welfare in India New Delhi
12. Encyclopedia of Social Science Sociological Aspect

13. David L. Sills dalam International Encyclopedia of Social Science Vo. 15 (Reprinted 1972) (Hal. 357 - 397)

14. AR Loser, L.A. 1971 KAJIAN

The Functions of Social Conflicts

Ronteldge a Keegan Paull

Ltd., London.

Pada mulanya¹ kawasan kajian ini¹ adalah sebuah kawasan lombong bijih timah. Bila Jepun memerintah pada masa perang dunia kedua, kawasan ini telah terbiar dan tidak aktif lagi. Selepas Inggeris menang dan kembali memerintah, lombong ini telah ditambah untuk membina jalanraya besar dari Kuala Lumpur ke Utara. Pada tahun 1960, apabila kerajaan bercadang untuk mengadakan projek perumahan kos rendah, kawasan tersebut dianggap sesuai lalu dijadikan tapak projek perumahan. Ini adalah kerana keadaannya yang strategi, di tepi sebuah jalanraya besar.

Ura-ura rancangan ini sebenarnya datang dari pertubuhan UMNO² yang sewaktu itu di bawah pimpinan Datuk Harun bin Idris. Beliau juga pada masa itu ialah Menteri Besar Selangor. Pembinaan yang mengambil masa kira-kira 2 tahun ini, telah siap pada tahun 1964 dan mula diduduki pada pertengahan tahun tersebut.

Tujuan utama kampung ini dibina ialah untuk menempatkan orang-orang Melayu yang berada di sekitar kawasan Rawang dan Ulu Selangor. Kawasan perumahan orang-orang Melayu sangat penting keujudannya, memandangkan selepas merdeka, pihak komunis³ yang kebanyakannya terdiri dari orang-orang Cina, ramai yang masih berada di sekitar hutan-hutan daerah Ulu Selangor⁴ termasuklah di kawasan Rawang ini. Jika dibiarkan kawasan ini terbiar di monopoli oleh pengaruh komunis, kemungkinan pengaruh komunis akan bertambah kembang dan merupakan satu ancaman yang membahaya kepada negara. Oleh itu, dengan menempatkan satu kawasan perumahan orang-

BAB II

LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

Pada mulanya¹ kawasan kajian ini adalah merupakan sebuah kawasan lombong bijih timah. Bila Jepun memerintah pada masa perang dunia kedua, kawasan ini telah terbiar dan tidak aktif lagi. Selepas Inggeris menang dan kembali memerintah, lombong ini telah ditambah untuk membina jalanraya besar dari Kuala Lumpur ke Utara. Pada tahun 1960, apabila kerajaan bercadang untuk mengadakan projek perumahan kos rendah, kawasan tersebut dianggap sesuai lalu dijadikan tapak projek perumahan. Ini adalah kerana keadaannya yang strategik, di tepi sebuah jalanraya besar.

Ura-ura rancangan ini sebenarnya datang dari pertubuhan UMNO² yang sewaktu itu di bawah pimpinan Datuk Harun bin Idris. Beliau juga pada masa itu ialah Menteri Besar Selangor. Pembinaan yang mengambil masa kira-kira 2 tahun ini, telah siap pada tahun 1964 dan mula diduduki pada pertengahan tahun tersebut.

Tujuan utama kampung ini dibina ialah untuk menempatkan orang-orang Melayu yang berada di sekitar kawasan Rawang dan Ulu Selangor. Kawasan perumahan orang-orang Melayu sangat penting keujudannya, memandangkan selepas merdeka, pihak komunis³ yang kebanyakannya terdiri dari orang-orang Cina, ramai yang masih berada di sekitar hutan-hutan daerah Ulu Selangor⁴ termasuklah di kawasan Rawang ini. Jika dibiarkan kawasan ini terbiar di monopoli oleh pengaruh komunis, kemungkinan pengaruh komunis akan bertambah kembang dan merupakan satu ancaman yang merbahaya kepada negara. Oleh itu, dengan menempatkan satu kawasan perumahan orang-

orang Melayu maka diharap bukan sahaja dapat mengurangkan pengaruh komunis tetapi juga menolong orang-orang Melayu yang berpendapatan rendah mendapatkan sebuah rumah kediaman. Disamping itu, ini juga boleh mengelakkan orang ramai yang tiada rumah membina rumah-rumah setinggian di pinggir-pinggir bandar.

Sebelum kawasan ini dibuka, ahli jawatankuasa UMNO telah menyediakan borang-borang rumah kepada semua orang-orang Melayu yang tinggal di kawasan Rawang dan yang memerlukan rumah. Setelah borang-borang permohonan diproses dan diteliti maka tanah seluas 56 ekar diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan sebanyak 113 buah rumah pun dibina di kawasan ini.

Pembangunan rumah-rumah kampung ini telah bermula sejak tahun 1962 hingga awal tahun 1964. Ianya mula diduduki pada tahun 1964 di bulan Jun. Pembukaan resmi kampung ini telah dilakukan oleh Datuk Harun bin Hj. Idris pada tahun 1965.

1. SUSUNAN RUMAH⁵

	Tanah	Rumah
Peringkat A	2.86 sen	14.46 sen
Peringkat B		19.03 sen

